



KUPASAN MUTU JAWAPAN

FIZIK 2
4531/2

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	4531/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas Fizik 2 4531/2 mengandungi tiga bahagian.

- Bahagian A: Bahagian ini mengandungi 8 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan.
- Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Calon boleh memilih untuk menjawab soalan 9 atau soalan 10.
- Bahagian C: Bahagian ini mengandungi 2 soalan. Calon boleh memilih untuk menjawab soalan 11 atau soalan 12.

Calon diberi masa dua setengah tahun untuk menjawab soalan dari ketiga-tiga bahagian tersebut.

PRESTASI KESELURUHAN

Jawapan calon pada keseluruhannya adalah sederhana. Jawapan calon dalam menyampaikan fakta dan konsep-konsep fizik adalah baik. Namun begitu jawapan calon dalam aspek memberikan takrifan dan menerangkan situasi-situasi tertentu berdasarkan konsep fizik adalah masih lemah. Jawapan calon dalam menguasai hukum, prinsip atau teori fizik dan penyelesaian masalah secara kuantitatif (masalah berangka) adalah sederhana disebabkan sebahagian jawapan calon tidak menggunakan rumus yang betul. Terdapat sebahagian jawapan calon sangat lemah dalam kemahiran proses sains seperti membuat pemerhatian serta membanding dan membeza. Akibatnya, jawapan calon dalam konstruk mengkonsepsi adalah tidak tepat. Jawapan calon dalam bahagian esei (Bahagian B dan C) adalah baik kerana dapat menyatakan ciri dan sebab yang sepadan dengan tepat.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Jawapan calon adalah jelas, ringkas dan bersistematik serta memenuhi tugas soal. Bahasa saintifik yang digunakan adalah tepat. Gambarajah yang jelas dan berlabel lengkap dilampirkan dengan penerangan kandungan yang betul. Jawapan calon berjaya menunjukkan perkaitan antara situasi dan penyelesaian masalah dengan menggunakan istilah dan bahasa saintifik yang betul. Jawapan calon juga menunjukkan kumpulan ini mempunyai kemahiran mengkonsepsi yang tinggi. Jawapan calon menunjukkan bahawa mereka telah menguasai kemahiran-kemahiran seperti dalam huraian sukatan pelajaran Fizik. Jawapan calon dalam kumpulan ini berupaya untuk memberi cadangan yang logik dan memberikan kaedah penyelesaian masalah dengan betul.

Kumpulan Sederhana

Jawapan calon adalah panjang dan tidak terus menjurus kepada respons yang dikehendaki. Walaubagaimanapun maksudnya adalah jelas dan boleh difahami. Penyusunan fakta tidak konsisten. Kumpulan ini tidak menguasai sepenuhnya istilah-istilah Fizik. Mutu jawapan calon dalam pada bahagian soalan struktur (Bahagian A) adalah baik berbanding soalan-soalan esei (Bahagian B dan C). Jawapan calon jelas menunjukkan kelemahan dalam soalan yang melibatkan kemahiran mengkonsepsi. Dalam soalan yang melibatkan kemahiran membuat keputusan, jawapan calon adalah terlalu umum dan kurang menggunakan konsep fizik.

Kumpulan Rendah

Jawapan calon tidak memenuhi kehendak tugas soal. Jawapan adalah kabur dan susunan jawapan tidak sistematik. Jawapan calon menunjukkan kumpulan ini tidak berupaya untuk mengaplikasikan konsep fizik dan hukum fizik dengan betul. Pemahaman konsep, fakta, rumus, unit, kuantiti fizik dan prinsip-prinsip fizik adalah sangat lemah terutama dalam menjawab soalan mengkonsepsi dan penyelesaian masalah. Jawapan calon juga adalah tidak selari dengan peruntukan markah yang ditentukan. Jawapan calon juga menunjukkan kegagalan untuk mengaitkan konsep fizik dengan kehidupan harian.

BAHAGIAN A

SOALAN STRUKTUR

Soalan 1

- 1 Diagram 1 shows a number of thumb-tack are attracted by an electromagnet.
Rajah 1 menunjukkan sejumlah paku tekan tertarik kepada satu elektromagnet.




Diagram 1
Rajah 1

- (a) Based on Diagram 1,

Berdasarkan Rajah 1,

- (i) Tick (✓) the correct answer in the box provided.

Tanda (✓) pada jawapan yang betul dalam kotak yang disediakan.


Electromagnet is a


Elektromagnet adalah satu

temporary magnet
magnet sementara

permanent magnet
magnet kekal

Soalan ini mengkehendaki calon menanda "✓" pada kotak yang betul bagi menyatakan maksud elektromagnet.

 **temporary magnet**
magnet sementara


 **permanent magnet**
magnet kekal

Jawapan calon yang tepat adalah menanda pada petak "magnet sementara".


(ii) At wire PQ, label the direction of current flow.

Pada wayar PQ, label arah pengaliran arus.

Tugasan soalan ini menghendaki calon melabel arah pengaliran arus pada wayar PQ.



Jawapan calon dilabel dengan tepat.



Jawapan calon yang tidak melabel arah arus pada mana-mana bahagian wayar.

(b) The current flow through wire PQ is increased.

Arus yang mengalir melalui wayar PQ ditambah.

(i) State what happens to the number of thumb-tack attracted by the electromagnet.

Nyatakan apa yang berlaku kepada bilangan paku tekan yang tertarik kepada elektromagnet.

Soalan ini memerlukan calon membuat ramalan terhadap bilangan paku tekan yang mampu ditarik apabila magnitud arus elektrik ditambah.

increase

Jawapan calon adalah tepat menunjukkan perubahan bilangan paku.

||

Jawapan calon adalah tidak tepat kerana tidak mengikut kehendak soalan.

(ii) Give **one** reason for your answer in 1(b)(i).

Beri **satu** sebab bagi jawapan anda di 1(b)(i).

Soalan ini menghendaki calon memberi sebab bagi jawapan soalan 1 (b) (i).

kekuatan elektromagnet bertambah.....

Jawapan calon adalah tepat apabila hubungan antara arus dengan kekuatan elektromagnet dinyatakan.

The higher the current flow, the more the iron nail will magnetized.

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak memberikan hubungan antara magnitud arus dengan kekuatan elektromagnet.

Soalan 2

2 Diagram 2 shows an instrument which is used to measure the atmospheric pressure.

Rajah 2 menunjukkan satu alat yang digunakan untuk mengukur tekanan atmosfera.




Diagram 2
Rajah 2

(a) Based on Diagram 2,
Berdasarkan Rajah 2,

(i) Name the instrument which is used to measure the atmospheric pressure.
Namakan alat yang digunakan untuk mengukur tekanan atmosfera.

Tugasan soalan ini memerlukan calon menamakan alat yang digunakan untuk mengukur tekanan atmosfera.

Mercury Barometer

Jawapan calon tepat menamakan alat pengukur tekanan atmosfera

Manometer

Jawapan calon gagal menamakan alat dengan betul.

(ii) State **one** reason why mercury is used in the instrument.

*Nyatakan **satu** sebab mengapa merkuri digunakan dalam alat tersebut.*

Soalan ini memerlukan calon menyatakan sebab mengapa merkuri digunakan dalam alat itu.

Because mercury has high cohesive force.

Jawapan calon memberikan sebab adalah tepat.

Can uniformly increase and decrease according to atmospheric pressure.

Jawapan calon tidak tepat dan tiada kaitan dengan sebab mengapa merkuri digunakan.

(b) Based on Diagram 2,

Berdasarkan Rajah 2,

(i) state the atmospheric pressure in the unit of cmHg.

nyatakan tekanan atmosfera dalam unit cmHg.

Soalan ini memerlukan calon menyatakan tekanan atmosfera dalam unit cmHg.

76 cmHg

Jawapan calon adalah tepat memberikan nilai tekanan atmosfera dalam unit cmHg.

- (ii) calculate the atmospheric pressure in the unit of Pascal.
[Density of mercury = $13.6 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$]

hitung tekanan atmosfera dalam unit Pascal.
[*Ketumpatan merkuri = $13.6 \times 10^3 \text{ kg m}^{-3}$*]

Soalan ini memerlukan calon membuat gantian rumus dan pengiraan yang betul.

$$\begin{aligned} P_{\text{atm}} &= h\rho g \\ &= \frac{76}{100} \times 13.6 \times 10^3 \times 10 \\ &= 1.034 \times 10^5 \text{ Pa} \end{aligned}$$

Jawapan calon adalah tepat kerana membuat gantian yang betul ke dalam rumus dengan menukarkan unit bagi ketinggian merkuri dalam centimeter (cm) ke meter (m) .
Jawapan pengiraan dengan betul.

$$\begin{aligned} P_{\text{atm}} &= m h \rho g \\ &= 76(13.6 \times 10^3) \\ &= 1033600 \text{ Pa} \\ &= 103.4 \text{ kPa} \end{aligned}$$

Jawapan calon tidak tepat kerana menggunakan rumus yang salah.

Soalan 3

3 Diagram 3.1 shows the electromagnetic spectrum.

Rajah 3.1 menunjukkan spektrum electromagnet.

R	X-ray <i>Sinar-X</i>	Ultra-violet <i>Ultra- ungu</i>	Visible light <i>Cahaya nampak</i>	Infrared <i>Inframerah</i>	Microwave <i>Gelombang mikro</i>	Radio wave <i>Gelombang radio</i>
---	-------------------------	--	--	-------------------------------	---	--

Diagram 3.1
Rajah 3.1

(a) State the electromagnetic wave R.

Nyatakan gelombang elektromagnet R.

Tugasan soalan ini memerlukan calon menamakan gelombang elektromagnet R.

Gamma ray

.....

Jawapan calon menamakan gelombang elektromagnet R adalah tepat.

(b) Give **one** reason why microwave is used in satellite communication.

Beri satu sebab mengapa gelombang mikro digunakan dalam komunikasi satelit.

Tugasan soalan memerlukan calon memberikan satu sebab yang munasabah mengapa gelombang mikro lebih sesuai berbanding dengan gelombang elektromagnet lain dalam bidang komunikasi satelit.

can travel in shorter distance than radiowave

.....

Jawapan calon adalah tepat dengan memberikan sebab berkaitan dengan frekuensi gelombang mikro lebih sesuai digunakan berbanding dengan gelombang elektromagnet lain dalam bidang komunikasi satelit.

Has higher wavelength

Jawapan calon tidak tepat dengan memberikan sebab mengapa gelombang mikro lebih sesuai digunakan berbanding dengan gelombang elektromagnet lain dalam bidang komunikasi satelit.

(c) A radio station emits radio wave at a frequency of 100 MHz.

Sebuah stesen radio mengeluarkan gelombang radio pada frekuensi 100 MHz.

(i) State the frequency in the unit of Hz.

Nyatakan frekuensi dalam unit Hz.

Tugasan soalan ini memerlukan calon menukarkan frekuensi dalam bentuk imbuhan (Mega Hertz) kepada bentuk unit asas (Hertz).

$$= 100 \times 10^6$$
$$= 100,000,000 \text{ Hz}$$

Jawapan calon adalah tepat semasa menukarkan unit Mega Hertz kepada bentuk unit Hertz.

$$= 1 \times 10^{-1} \text{ Hz}$$

Jawapan calon tidak tepat semasa menukarkan unit Mega Hertz kepada bentuk unit Hertz.

- (ii) Calculate the wave length of the radio wave.
(Speed of radio wave is $3 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$)

*Hitung panjang gelombang untuk gelombang radio itu.
(Laju gelombang radio ialah $3 \times 10^8 \text{ m s}^{-1}$)*

Tugasan soalan ini ialah menghitung panjang gelombang untuk gelombang radio.

$$\begin{aligned}v &= f \lambda \\ \lambda &= \frac{v}{f} \\ &= \frac{3 \times 10^8}{1 \times 10^5} \\ &= 3 \text{ m}\end{aligned}$$

Jawapan calon adalah tepat kerana membuat gantian yang betul ke dalam rumus.

$$\begin{aligned}v &= f \lambda \\ 3 \times 10^8 &= 1 \times 10^{-4} (\lambda) \\ \lambda &= 3.00 \times 10^{\square}\end{aligned}$$

Jawapan calon tidak tepat kerana membuat gantian yang salah ke dalam rumus

(d) Diagram 3.2 shows a wave form of ultraviolet wave.

Rajah 3.2 menunjukkan bentuk gelombang bagi gelombang ultraungu.





Diagram 3.2
Rajah 3.2


Sketch the wave form of visible light in Box Z.

Lakar bentuk gelombang bagi cahaya nampak dalam Kotak Z.

Tugasan soalan ini memerlukan calon melukis bentuk gelombang bagi cahaya nampak. Calon perlu membanding panjang gelombang dan amplitud bagi gelombang ultraungu dengan gelombang nampak untuk melukiskan corak gelombang yang tepat.



Jawapan calon adalah tepat membuat lakaran bentuk gelombang.



Jawapan calon tidak tepat kerana gelombang yang dilakarkan mempunyai panjang gelombang yang lebih kecil dan amplitud yang tidak seragam.

Soalan 4

- 4 Diagram 4.1 shows a 50 kg box is pushed by a man with a force of 300 N. The box moved with a constant velocity.

Rajah 4.1 menunjukkan satu kotak 50 kg ditolak oleh seorang lelaki dengan satu daya 300 N. Kotak itu bergerak dengan halaju seragam.




Diagram 4.1
Rajah 4.1

- (a) What is the meaning of force?

Apakah yang dimaksudkan dengan daya?

Soalan ini menghendaki calon menjawab soalan ini berdasarkan pengetahuan mereka tentang Hukum Gerakan Newton.

Tugasan soalan ini menghendaki calon menyatakan maksud daya.

A force is a push or a pull.

Jawapan calon menunjukkan calon dapat memberi maksud daya dengan tepat.

Force is ~~mass~~ the energy supplied to change the movement of an object.

Jawapan calon tidak tepat kerana memberikan maksud daya bersih dan bukan daya.

(b) (i) What is the frictional force acting on the box?

Berapakah daya geseran yang bertindak pada kotak itu?

Soalan ini meminta calon untuk menentukan daya geseran yang bertindak.

300 N
.....

Jawapan calon dalam menentukan daya geseran adalah tepat.

Gravitational force

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak dapat menghubungkan konsep daya dalam keseimbangan dengan halaju malar untuk menentukan nilai daya geseran.

(ii) Sketch a displacement-time graph motion of the box in Diagram 4.2.

Lakar satu graf sesaran-masa untuk pergerakan kotak itu dalam Rajah 4.2.






Diagram 4.2
Rajah 4.2

Soalan ini mengehendaki calon melukis graf sesaran-masa.



Jawapan calon dapat melukis garisan lurus bermula dari pusat asalan dengan tepat.



45312-46

Jawapan calon tidak tepat kerana tidak dapat menukar maklumat daripada pernyataan (halaju malar) kepada bentuk graf.

(c) The pushing force of the box is increased to 350 N.

Daya tolakan kotak itu ditambah kepada 350 N.

Calculate

Hitung

(i) the resultant force acting on the box.

daya paduan yang bertindak ke atas kotak itu.

Bagi soalan 4c(i) calon dikehendaki untuk menentukan daya paduan.

$$350\text{ N} - 300\text{ N} \\ = 50\text{ N}$$

Jawapan calon adalah tepat untuk mencari nilai daya paduan .

$$\frac{300\text{ N}}{50\text{ g}} = 6\text{ g N}^{-1}$$

Jawapan calon tidak tepat kerana gantian keatas rumus adalah salah.

- (ii) the acceleration of the box
pecutan kotak itu.

Bagi soalan ini calon dikehendaki untuk menentukan pecutan.

$$\frac{50N}{50kg} = 1ms^{-1}$$

Jawapan calon mengira nilai pecutan adalah tepat .

$$\frac{350 - 300}{50} = 6ms^{-2}$$

45312-52

Jawapan calon tidak tepat kerana gantian keatas rumus adalah salah.

Soalan 5

- 5 Diagram 5.1 shows the reading of the Bourdon Gauge before the piston of the bicycle pump is pushed inwards.

Rajah 5.1 menunjukkan bacaan Tolok Bourdon sebelum omboh pam basikal ditolak ke dalam.




Diagram 5.1
Rajah 5.1

- Diagram 5.2 shows the reading of the Bourdon Gauge when the piston of the bicycle pump is pushed inwards.

Rajah 5.2 menunjukkan bacaan Tolok Bourdon apabila omboh pam basikal ditolak ke dalam.




Diagram 5.2
Rajah 5.2

Soalan ini mengkehendaki calon memahami prinsip kerja Hukum Tekanan Gas.

(a) Based on Diagram 5.1, tick (✓) the correct answer in the box.

Berdasarkan Rajah 5.1, tanda (✓) pada jawapan yang betul dalam kotak yang disediakan.

Bourdon Gauge can measure

Tolok Bourdon boleh mengukur

gas temperature
suhu gas

gas pressure
tekanan gas

Soalan ini mengehendaki calon untuk menentukan kegunaan Tolok Bourdon dengan menandakan jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.

gas temperature
suhu gas

gas pressure
tekanan gas

Calon dapat menandakan jawapan yang betul.

(b) Observe Diagram 5.1 and Diagram 5.2,

Perhatikan Rajah 5.1 dan Rajah 5.2,

(i) compare the volume of air inside the bicycle pump.

bandingkan isi padu udara dalam pam basikal.

(ii) compare the pressure produced inside the bicycle pump.

bandingkan tekanan yang dihasilkan dalam pam basikal.

(iii) compare the number of air particles inside the bicycle pump.

bandingkan bilangan zarah-zarah udara dalam pam basikal.

Soalan ini mengehendaki calon untuk membuat perbandingan isipadu udara, tekanan dan bilangan zarah-zarah dalam pam basikal berdasarkan rajah yang diberikan.

The volume of air inside the bicycle pump is higher in Diagram 5.1 compared to Diagram 5.2.

Pressure produced inside the bicycle pump in Diagram 5.2 is higher than Diagram 5.1.

The number of air particles inside the bicycle pump ~~is~~ in both Diagram 5.1 and Diagram 5.2 are the same.

Calon dapat menyatakan perbandingan dengan betul mengenai tekanan, isipadu dan bilangan zarah-zarah udara.

The number of air particles in Diagram 5.1 is lesser than in the Diagram 5

Jawapan calon adalah tidak tepat berkaitan hubungan antara ruang dengan jumlah bilangan zarah.

(c) Based on the answer in 5(b),

Berdasarkan jawapan di 5(b),

(i) State the relationship between the volume of air inside the bicycle pump with the pressure produced.

Nyatakan hubungan antara isi padu udara dalam pam basikal dengan tekanan yang dihasilkan.

(ii) State the physics law involved.

Nyatakan hukum fizik yang terlibat.

Bagi soalan ini calon dikehendaki untuk menyatakan hubungan antara isipadu udara dengan tekanan dengan berdasarkan kepada jawapan dalam 5(b).

The higher the volume of air inside the bicycle pump,
the lower the pressure produced.

Boyle's Law

Jawapan calon tepat dalam menyatakan hubungan antara isipadu udara dengan tekanan serta menamakan hukum fizik yang betul .

Pressure law.

Jawapan calon tidak tepat dalam menamakan hukum fizik dengan betul walaupun dapat menyatakan hubungan antara isipadu udara dengan tekanan yang betul.

- (i) Based on the answer in 5(c), what happens to the kinetic energy of the air particles when the air is compressed.

Berdasarkan jawapan di 5(c), apakah yang berlaku kepada tenaga kinetik zarah-zarah udara apabila udara dimampatkan.

- (ii) Give **one** reason for the answer in 5(d)(i)

Beri satu sebab untuk jawapan anda di 5(d)(i).

Soalan ini menghendaki calon untuk membuat membuat satu kesimpulan tentang jumlah tenaga kinetik yang ada pada pam basikal dan menyatakan sebab bagi jawapan yang diberikan.

Remains unchanged

Temperature constant

Jawapan calon adalah tepat untuk membuat kesimpulan dan memberikan alasan yang betul.

Kinetic energy of the air particles will increase.

When the air is compressed, there is less space for the particles to move and it collides the wall very randomly and frequently.

Jawapan calon tidak tepat kerana hubungan antara tenaga kinetik dan tekanan adalah salah.

Soalan 6

6 Diagram 6.1 shows the nuclide notation of an element.

Rajah 6.1 menunjukkan simbol nuklid untuk satu unsur.



Diagram 6.1
Rajah 6.1

Table 6.1 shows equations of the decay process of radioisotopes uranium and radium.

Jadual 6.1 menunjukkan persamaan untuk proses pereputan radioisotop uranium dan radium.




Table 6.1
Jadual 6.1

(a) What is the meaning of radioisotope?

Apakah yang dimaksudkan dengan radioisotop?

Tugasan soalan ini memerlukan calon memberikan maksud radioisotop dengan tepat.

Radioisotope is the unstable nucleus that have the same proton number but different nucleon number

Jawapan calon adalah tepat kerana menggunakan istilah yang tepat dalam menerangkan maksud radioisotop.

Radioisotope is an isotope that can emits by radioactivity.

Jawapan calon adalah kurang tepat kerana menggunakan istilah yang tidak tepat dalam menerangkan maksud radioisotop.

**(b) By using both equations in Table 6.1,
calculate the difference of nucleon number between:**

*Dengan menggunakan kedua-dua persamaan dalam Jadual 6.1,
hitung perbezaan nombor nukleon antara:*

(i) Uranium, U and Thorium, Th.

Uranium, U dan Thorium, Th.

Tugasan soalan memerlukan calon menghitung perbezaan nombor nukleon pada elemen-elemen yang disenaraikan dalam persamaan tersebut.

4
.....

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat menghitung perbezaan nombor nukleon pada elemen-elemen.

8
.....

Jawapan calon adalah kurang tepat kerana tidak dapat menghitung nombor nukleon.

(ii) Radium, Ra and Radon, Rn
Radium, Ra dan Radon, Rn.

Tugasan soalan memerlukan calon menghitung perbezaan nombor nukleon pada elemen-elemen yang disenaraikan dalam persamaan tersebut.

4
.....

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat menghitung perbezaan nombor nukleon pada elemen-elemen.

8
.....

Jawapan calon adalah kurang tepat kerana tidak dapat menghitung nombor nukleon.

(c) By using both equations in Table 6.1,
calculate the difference of proton number between:

Dengan menggunakan kedua-dua persamaan dalam Jadual 6.1,
hitung perbezaan nombor proton antara:

(i) Uranium, U and Thorium, Th.
Uranium, U dan Thorium, Th.

Tugasan soalan memerlukan calon menghitung perbezaan nombor proton pada elemen-elemen yang disenaraikan dalam persamaan tersebut.

2
.....

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat menghitung nombor proton pada elemen-elemen

4
.....

Jawapan calon adalah kurang tepat kerana tidak dapat menghitung nombor proton.

- (ii) Radium, Ra and Radon, Rn
Radium, Ra dan Radon, Rn.

Tugasan soalan memerlukan calon menghitung perbezaan nombor proton pada elemen-elemen yang disenaraikan dalam persamaan tersebut.

2
.....

Jawapan calon adalah tepat.

4
.....

Jawapan calon adalah kurang tepat kerana menggantikan nombor proton yang salah.
salah

- (d) Based on the answers in **6(b)** and **6(c)**, complete the sentence below.
Berdasarkan jawapan dalam 6(b) dan 6(c), lengkapkan ayat di bawah.

When decay occurs, the nucleon number decreases by, the
proton number decreases by

*Apabila berlaku pereputan, nombor nukleon berkurang sebanyak
....., nombor proton berkurang sebanyak*

Tugasan soalan ini memerlukan calon membuat satu kesimpulan bagi pereputan zarah alfa hasil daripada pemerhatian calon terhadap perbezaan nombor nukleon dan perbezaan nombor proton dalam kedua-dua persamaan tersebut.

When **alpha** decay occurs, the nucleon number decreases by **4**, the
proton number decreases by **2**

Jawapan calon adalah tepat seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan.

When ~~radioactive~~ decay occurs, the nucleon number decreases by**4**....., the proton number decreases by**2**.....

Jawapan calon tidak tepat kerana menamakan proses pereputan yang salah walaupun nilai nombor nukleon dan nombor proton adalah betul.

(e) Diagram 6.2 shows a radioisotope which emits alpha particle.

Rajah 6.2 menunjukkan satu radioisotop yang mengeluarkan zarah alfa.




Diagram 6.2
Rajah 6.2

(i) In Diagram 6.2, complete the path of the alpha particle when it enters the region between the two metal plates.

Dalam Rajah 6.2, lengkapkan lintasan zarah alfa apabila memasuki kawasan antara dua plat logam.

Tugasan soalan ini memerlukan calon melukis lintasan zarah alfa dengan betul dalam kawasan medan elektrik. Calon perlu menggunakan kriteria jenis cas yang ada pada zarah alfa untuk mengetahui arah daya tarikan dan melukiskan corak lintasan yang tepat antara dua plat logam.





Diagram 6.2
Rajah 6.2

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat melukis lintasan zarah alfa dengan betul.



Jawapan calon adalah tidak tepat kerana arah pesongan lintasan zarah alfa adalah salah.

(ii) Give **one** reason for your answer in 6(c)(i).

Beri satu sebab bagi jawapan anda di 6(c)(i).

Tugasan soalan ini memerlukan calon memberi satu sebab yang munasabah mengapa zarah alfa boleh terpesong ke atas.

Alpha particle is positively charged

Jawapan calon adalah tepat bagi menamakan dengan jenis cas pada zarah alfa.

alpha particle is negatively charged

Jawapan calon kurang tepat kerana menamakan jenis cas yang salah.

Soalan 7

- 7 (a) Diagram 7.1 shows electric transmission cables that transmit electrical energy from one place to another.

Rajah 7.1 menunjukkan kabel penghantaran elektrik yang menghantar tenaga elektrik dari satu tempat ke tempat yang lain.



Diagram 7.1
Rajah 7.1

The electric current transmitted through the cable of resistance 10Ω is 10 A .

Arus elektrik yang mengalir melalui kabel yang berintangian 10Ω itu ialah 10 A .

- (i) What is the meaning of electric current?

Apakah yang dimaksudkan dengan arus elektrik?

Soalan ini memerlukan calon memberi maksud arus elektrik

$$I = \frac{Q}{t} \text{ dimana } I = \text{ arus (A), } Q = \text{ cas elektrik, } t = \text{ masa (s)}$$

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat menyatakan istilah yang tepat.

Kuantiti atau kadar cas elektrik dalam satu saat.

Calon ini menggunakan istilah yang kurang tepat dan berulang seperti kadar dan masa.

(ii) Calculate the power loss in the cable.

Hitung kehilangan kuasa dalam kabel itu.

Soalan ini memerlukan calon membuat gantian rumus dan pengiraan yang betul.

$$\begin{array}{l} R = 10 \Omega \\ I = 10 \text{ A} \\ V = 10 \times 10 \\ V = 100 \text{ V} \end{array} \quad \begin{array}{l} P = IV \\ = 10 \times 100 \\ = 1000 \text{ W} \end{array}$$

Jawapan calon tepat dari segi membuat gantian rumus dan pengiraan yang betul.

(b) Diagram 7.2 shows a model of electric power transmission.

Rajah 7.2 menunjukkan satu model penghantaran kuasa elektrik.




Diagram 7.2
Rajah 7.2

The brightness of the bulb B is lower than bulb A due to the power loss in the wire X.

Kecerahan mentol B adalah lebih rendah daripada mentol A disebabkan kehilangan kuasa di dalam wayar X.

Suggest modifications that can be made to the model to increase the brightness of bulb B based on the following aspects:

Cadangkan pengubahsuaian yang boleh dibuat kepada model itu untuk menambahkan kecerahan mentol B berdasarkan aspek-aspek berikut:

- (i) diameter of wire X
diameter wayar X

reason

sebab

Soalan ini menguji kemahiran berfikir calon untuk menggunakan konsep fizik yang telah dipelajari bagi membuat modifikasi untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan. Calon dikehendaki memberi cadangan pengubahsuaian dan sebab dari aspek diameter wayar X.

increase

to increase the induced current.

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat memberikan cadangan pengubahsuaian dan memberikan sebab ke atas pengubahsuaian itu sesuai dan tepat.

bigger

Able to go through the resistance

Jawapan calon kurang tepat kerana memberikan alasan yang salah ke atas pengubahsuaian yang dicadangkan.

(ii) **number of turns of secondary coil of transformer A**
bilangan lilitan gegelung sekunder bagi transformer A

reason

sebab

Calon dikehendaki memberi cadangan pengubahsuaian dan sebab dari aspek bilangan lilitan gegelung sekunder.

Ditambah

Menghasilkan magnitud arus peningkatan voltan yang lebih tinggi

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat memberikan cadangan pengubahsuaian dan memberikan sebab ke atas pengubahsuaian itu sesuai dan tepat.

Decrease

the induced current will produced more

Jawapan calon tidak tepat kerana memberikan cadangan pengubahsuaian dan menyatakan alasan yang salah.

- (iii) **name of material of wire X**
nama bahan bagi wayar X
- reason**
sebab

Calon dikehendaki memberi cadangan pengubahsuaian dan sebab dari aspek bahan bagi wayar X.

dawai kuprum berpenambat

dapat mengalirkan arus elektrik yang ^{lebih} banyak kerana mengurangkan kadar tenaga yang hilang ke persekitaran sebagai tenaga haba.

Jawapan calon adalah tepat kerana dapat memberikan cadangan pengubahsuaian dan memberikan sebab ke atas pengubahsuaian itu sesuai dan tepat.

pvc, kuprum

- Kuprum konduktor haba yang baik*
- PVC keras dan mengesakkan daripada terbakar*

Jawapan calon memberikan lebih daripada satu bahan untuk wayar X. Ini menunjukkan ada unsur teka dalam jawapan calon. Jawapan seperti ini salah.

(c) Give one reason why a.c. power supply is used in the model.

Beri satu sebab mengapa bekalan kuasa a.u. digunakan dalam model ini.

Soalan ini memerlukan calon memberikan satu sebab mengapa bekalan kuasa a.u. digunakan.

Transformer can only be used with a.c. power supply.

Jawapan calon adalah tepat kerana menyatakan sebab yang betul.

alternating current will never stop.

Jawapan calon kurang tepat kerana menyatakan sebab yang tiada kaitan dengan prinsip kerja transformer.

SOALAN 8

- 8 The lens in Diagram 8 is used as a magnifying glass.
Kanta dalam Rajah 8 digunakan sebagai kanta pembesar.




Diagram 8
Rajah 8

- (a) Name the type of lens in Diagram 8.
Namakan jenis kanta dalam Rajah 8.


Soalan ini menguji pengetahuan calon tentang jenis kanta.

Convex lens
.....


Jawapan calon adalah betul

- (b) (i) On Diagram 8, draw a ray diagram to show how the image of the object is formed.
Dalam Rajah 8, lukis satu rajah sinar untuk menunjukkan bagaimana imej bagi objek itu terbentuk.

Soalan ini menghendaki calon melukis gambarajah sinar untuk menunjukkan kefahaman mereka tentang pembentukan imej oleh kanta cembung.



Jawapan calon adalah tepat di mana mereka dapat menunjukkan pembiasan cahaya apabila melalui kanta cembung dengan betul.



Jawapan calon salah kerana sinar cahaya yang terbias tidak mengikut lintasan yang sepatutnya.

(ii) State **two** characteristics of the image formed in **8(b)(i)**.

*Nyatakan **dua** ciri imej yang terbentuk dalam **8(b)(i)**.*

1.

2.

Tugasan soalan ini adalah bagi calon mengenalpasti ciri-ciri imej yang dihasilkan dalam lukisan gambarajah sinar.

1.Magnified.....
2.Upright.....

Jawapan calon memberikan dua ciri imej yang betul.

1.Virtual Upright.....
2.Diminished.....

Jawapan calon tidak tepat kerana salah satu ciri imej adalah salah.

- (c) A compound microscope contains an objective lens and an eyepiece lens. The focal length of the objective lens is f_o and the focal length of eyepiece lens is f_e .

Table 8 shows three different distances of object and different distances between the two lenses.

Sebuah mikroskop majmuk mengandungi satu kanta objektif dan satu kanta mata. Jarak fokus kanta objektif itu adalah f_o dan jarak fokus kanta mata adalah f_e .

Jadual 8 menunjukkan tiga jarak objek dan jarak antara dua kanta yang berbeza.

Arrangement <i>Susunan</i>	Object distance, u_o from objective lens <i>Jarak objek, u_o dari kanta objek</i>	Distance between objective lens and eyepiece lens, d <i>Jarak antara kanta objek dengan kanta mata, d</i>	Distance between the image formed by the objective lens and the eyepiece lens, u_i <i>Jarak antara imej yang terbentuk oleh kanta objek dengan kanta mata, u_i</i>
J	$u_o < f_o$	$d < (f_o + f_e)$	$u_i > f_e$
K	$u_o = f_o$	$d = (f_o + f_e)$	$u_i = f_e$
L	$f_o < u_o < 2f_o$	$d > (f_o + f_e)$	$u_i < f_e$

Table 8
Jadual 8

Based on Table 8, state the suitable arrangement in order to build a simple compound microscope. Give **one** reason for the suitable arrangement.

Berdasarkan Jadual 8, nyatakan susunan yang sesuai untuk membina sebuah mikroskop majmuk ringkas. Beri satu sebab untuk kesesuaian susunan itu.

(i) Object distance, u_o :

Jarak objek, u_o :

Reason :

Sebab :

Soalan ini memerlukan calon dikehendaki membuat pilihan yang betul susunan kanta untuk membina mikroskop majmuk.

$$f_o < u_o < 2f_o$$

Reason :

Sebab :

Produce ~~bigger~~ image real and magnified image.

Jawapan calon yang menepati kehendak soalan dengan membuat pilihan jarak objek dan alasan yang betul.

$$u_o < f_o$$

Reason :

Sebab :

Image will be clearer.
An upright image can be formed.

Jawapan calon tidak tepat kerana samada membuat pilihan yang salah dan menyatakan alasan yang salah.

(ii) Distance, d :

Jarak, d .

.....

Reason :

Sebab :

Soalan bahagian ini menghendaki calon menentukan kedudukan jarak kanta objek dengan kanta mata dalam mikroskop majmuk.

$$d > (f_o + f_e)$$

.....

Reason :

Sebab :

Produce virtual image

.....

Jawapan calon adalah tepat kerana membuat pilihan yang tepat dan alasan yang tepat.

$$d < (f_o + f_e)$$

.....

Reason :

Sebab :

So that image produce will be real

.....

Jawapan calon yang tidak menepati tugas soalannya.

(iii) Distance, u_i :

Jarak, u_i .

.....

Reason :

Sebab :

Soalan ini menghendaki calon menentukan kedudukan imej pertama yang dibentuk oleh kanta objek dan memberikan sebabnya.

$$u < f_e$$

Reason :

Sebab :

~~Produce bigger image~~ Image produce is magnified

Jawapan calon adalah tepat bagi pilihan kedudukan imej pertama dan sebabnya.

$$u_i > f_e$$

Reason :

Sebab :

To obtain an upright image.
Clearer view of image.

Jawapan calon tidak menepati kehendak tugas soalannya.

- (d) Based on the answer in 8(c), choose the most suitable arrangement for a simple compound microscope.

Berdasarkan jawapan anda di 8(c), pilih susunan yang paling sesuai sebagai mikroskop majmuk ringkas.

Tugas soalannya bahagian ini adalah untuk calon membuat pilihan susunan yang betul berdasarkan ciri-ciri yang telah ditentukan.

Arrangement L

Jawapan calon adalah betul dalam membuat pilihan susunan kanta untuk sebuah mikroskop majmuk ringkas.

Soalan 9

- 9 Diagram 9.1 and Diagram 9.2 show the reading of the thermometers when an amount of water is heated for 5 minutes. Both immersion heaters have the same specification.

Rajah 9.1 dan Rajah 9.2 menunjukkan bacaan termometer apabila sejumlah air dipanaskan selama 5 minit. Kedua-dua pemanas rendam mempunyai spesifikasi yang sama.




Diagram 9.1
Rajah 9.1




Diagram 9.2
Rajah 9.2

- (a) (i) What is the meaning of heat?

Apakah yang dimaksudkan dengan haba?

Soalan ini menghendaki calon untuk mendefinisikan maksud haba.

heat is a form of energy.

Jawapan calon tepat dalam mendefinisikan maksud haba.

Degree of hotness at certain pressure

Jawapan calon tidak memenuhi kehendak soalan.

- (ii) Using Diagram 9.1 and Diagram 9.2, compare the readings of both thermometers, the volume of water in the polystyrene cup and the time of heating the water.

Relate the reading of thermometer with volume of water to make a deduction regarding the relationship between the increase in temperature and the mass of water in the polystyrene cup.

Dengan menggunakan Rajah 9.1 dan Rajah 9.2, bandingkan bacaan kedua-dua termometer, isi padu air dalam cawan polistirena dan masa pemanasan air.

